



**UCAPAN ENCIK ZAQY MOHAMAD, PENGERUSI JAWATANKUASA
PENGANJUR BULAN BAHASA 2012 DAN JUGA ANGGOTA PARLIMEN
GRC CHOA CHU KANG DI MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA
2012, 1 JULAI 2012, 2.00 PETANG DI THE PLAZA, BANGUNAN
PERPUSTAKAAN NEGARA.**

Tetamu terhormat, Dr. Yaacob Ibrahim
Menteri Penerangan, Perhubungan & Kesenian merangkap
Menteri Bertanggungjawab Atas Ehwal Masyarakat Islam

Encik Masagos Zulkifli Mohd, Menteri Negara, Kementerian Ehwal Dalam Negera merangkap Kementerian Luar Negara yang juga Pengurus Majlis Bahasa Melayu Singapura

Anggota Dewan Penasihat dan Majlis Bahasa Melayu Singapura
Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,
Assalammualaikum..

1. Selamat datang ke majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Bulan Bahasa 2012. Sekiranya tidak kerana bahasa Melayu, tidaklah kita berkumpul di sini, ketika dan saat ini.

2. Izinkan saya memulakan ucapan saya dengan mengatakan bahawa saya rasa berbesar hati, diberi peluang mempengerusikan Jawatankuasa

Bulan Bahasa kali ini. Ini suatu amanah yang saya dan kerabat kerja Jawatankuasa Bulan Bahasa junjung untuk memajukan dan menggalakkan pengembangan bahasa Melayu.

3. Saya mungkin seorang ahli korporat tetapi diberi amanah ini. Ini menunjukkan bahawa perjuangan memartabatkan bahasa bukan hanya tanggungjawab golongan seperti ahli bahasa sahaja. Semua orang perlu melakukannya.

2. Semasa berkunjung ke sana ke mari saya berasa begitu terangsang. Ini kerana kebanyakan orang yang saya temui, baik yang muda maupun warga emas, semuanya melahirkan rasa sayang kepada bahasa kita, dan bangga dengan warisan kita – iaitu Bahasa Melayu. Pendeknya, sambutan positif yang kita terima mengenai Bulan Bahasa kali ini, menguatkan lagi azam kami untuk memberikan yang terbaik demi kejayaan usaha murni ini.

3. Hakikatnya, kami amat mengalu-alukan sokongan segenap lapisan masyarakat dalam perjuangan ini. Ingin saya tekankan lagi bahawa, kesinambungan dan penakatan bahasa ibunda kita – iaitu Bahasa Melayu - bergantung kepada kita semua. Tidak kira pelajar, pekerja, pencinta bahasa, karyawan ataupun anggota masyarakat pengguna bahasa Melayu

yang lin, ini tanggungjawab kita bersama sebenarnya. Sebab Bahasa Melayu adalah sebahagian daripada DNA kita. Dengan kata lain, Bahasa Melayu ialah lambang bangsa kita. Ia identiti kita. Ia warisan kita semua. Nilainya terlalu tinggi untuk kita abaikan.

4. Tuan-tuan dan puan-puan, saya maklum bahasa Inggeris semakin menguasai kehidupan sehari-hari kita dalam konteks kehidupan di negara ini. Namun saya yakin, kita semua mahu melihat Bahasa Melayu kita, terus terpelihara dan maju.
5. Kita mungkin pernah mendengar sajak terkenal sasterawan terkemuka Singapura, almarhum Masuri SN, **Ini Nasi Yang Kusuap** – yang mengingatkan kita tentang apa yang hakiki.
6. Saya mahu mengajurkan satu lagi ungkapan yang seakan tajuk sajak tersebut, iaitu **Ini Bahasa Yang Kujunjung Tinggi!**... Saya masih ingat lagi zaman dahulu, jika anak-anak pergi mengaji Al-Quran mereka akan menjunjung kitab suci tersebut di atas kepala. Mungkin itulah yang perlu kita lakukan juga untuk Bahasa Melayu kita. Iaitu meletakkannya di tempat yang tinggi dalam hati dan minda kita – iaitu menjunjungnya tinggi-tinggi.

7. Apa kata kalau saya bunyikan begini pula:

Ini Bahasa yang kujunjung tinggi!

Ini Nilai dan Budi yang tak terbeli

Yang kuwarisi dan ingin kulestari

Sebagai Warisan yg nilainya tiada ganti.

8. Tuan-tuan dan Puan-puan, Nilai dan Budi menjadi tema Bulan Bahasa 2012 kerana kami mahu meluaskan lagi jangkauan kempen kali ini. Ia membawa kita kepada nilai kita, kepada asas kita, kesantunan dan keindahan budaya Melayu.

Kata orang:

Budi bicara lembut nan syadu

Santun dijaga anak Melayu

Gerak puteri wajah nan ayu

Petanda kita orang Melayu

6. Sukacita untuk saya kongsi dengan hadirin sekalian. Bahawa walaupun Bulan Bahasa akan dilancarkan hari ini oleh Tetamu Terhormat kita nanti, ramai anggota masyarakat kita sudahpun memberikan

sambutan positif kepada tema Nilai dan Budi ini. Malah sebahagian daripada mereka dengan rela tampil “berbudi” dengan menyertai dan membantu kegiatan-kegiatan yang dianjurkan demi bahasa kita.

7. Duta Bahasa kita tahun ini, penyanyi dan penggubah lagu iaitu Imran Ajmain, adalah contoh yang baik. Walaupun sibuk dengan tugas seninya di Kuala Lumpur, beliau secara sukarela menyumbang tenaga dan menjadi sebahagian kempen Bulan Bahasa ini. Begitu juga dengan dua lagi Duta Bahasa 2012, Daud Yusof dan Munirah, yang telah memberikan banyak sumbangan dalam kempen Bulan Bahasa tahun ini.

8. Sekalung budi juga kepada pelukis batik tersohor - Pak Sarkasi Said - yang dengan murah hati menawarkan hasil seninya yang boleh mencapai ribuan dolar, untuk menyerikan kempen kita ini. Malah beliau mendermakan karya-karyanya untuk membantu kita memungut dana. Semuanya demi kepercayaan beliau tentang pentingnya pelestarian Bahasa Melayu. Itulah yang dikatakan orang yang berbudi dan berbahasa.

Terima kasih sekali lagi Duta-duta Bahasa kita dan Pak Sarkasi (clap hands).

9. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Jawatankuasa kerja Bulan Bahasa. Mereka meluangkan waktu sehingga lewat malam, dan pada hujung minggu turun padang ke Kampong Glam dan Geylang Serai untuk memartabatkan Bulan Bahasa. Saya juga mahu merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Encik Tajudin, Cik Jennifer, Cik Trudi, Encik Juffri, Cik Firda, dan Cik Iryani, yang menjadi “orang kuat” di sebalik daya usaha ini, berpenat lelah untuk memastikan kejayaan usaha ini.
10. Saya juga tidak lupa akan nasihat, panduan dan kerjasama anggota-anggota Majlis Bahasa Melayu Singapura, terutama sekali Pengurus sekarang dan yang terdahulu, iaitu Encik Masagos Zulkifli dan Encik Hawazi Daipi.
11. Sebagai penutup kata, Bulan Bahasa ibarat bulatnya pembetung yang menyatukan jiwa bangsa masyarakat. Saya dapat merasakan getaran dan semangat masyarakat yang yakin dan bangga menjadi orang Melayu. Saya harap semangat ini tidak akan luntur. Malah akan terus kukuh dari semasa ke semasa. Semoga semua dalam masyarakat Melayu akan dapat bersama-sama menyemarakkan lagi Bulan Bahasa 2012.

Sekian dan terima kasih.